



Rujukan: UKM(S)3.6/111/7 Jld. 18

Tarikh : Februari 2006

Semua Dekan/Pengarah/Ketua  
Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof./Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

### MENINGKATKAN TAHAP DISIPLIN PEGAWAI AWAM

Dengan hormatnya sukacita saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam melalui suratnya bertarikh 5 Januari 2006 telah memaklumkan tentang **Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Tatatertib Badan-badan Berkanun [Akta 605]** dan menghendaki semua pegawai badan berkanun mematuhi 11 senarai tatakelakuan yang telah ditetapkan. Antara peraturan tersebut ialah seperti menjalankan tugas dengan penuh bertanggungjawab, jujur, amanah, tidak membelaikan tugas demi kepentingan peribadi, tidak menggunakan kedudukan untuk kepentingan sendiri dan ingkar perintah.

3. **Peraturan 21** pula meminta semua Ketua Jabatan yang menjalankan kawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pegawai bawahannya hendaklah mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin atas apa-apa pelanggaran yang dilakukan oleh pegawai bawah seliaan sesuai dengan peruntukan peraturan tersebut. Pemantauan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mendapat tahap disiplin pegawai awam perlu dipertingkatkan lagi ekoran daripada beberapa masalah disiplin yang dilakukan. Antaranya ialah:

- i) pegawai sukar ditemui kerana keluar minum terlalu lama;
- ii) surat-surat permohonan tidak dijawab atau lambat dijawab;
- iii) layanan yang tidak mesra;
- iv) pegawai datang lambat ke pejabat atau balik awal dari pejabat;
- v) pegawai masih berada di kantin selepas waktu pejabat bermula;
- vi) pegawai tidak mematuhi etika pakaian semasa bertugas; dan
- vii) pegawai ponteng kerja selepas mengetik kad perakam waktu/log masuk e-warga untuk melakukan tugas peribadinya.

4. Sekiranya masalah disiplin ini tidak dibendung atau diambil tindakan sewajarnya sama ada dalam bentuk preventif ataupun punitif, ia akan memberi kesan kepada imej perkhidmatan awam keseluruhannya.

5. Sehubungan ini, sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof./Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk memaklumkan arahan kerajaan ini kepada semua pegawai di bawah seliaan seiring dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam serta usaha-usaha penambahbaikan lain yang dilakukan untuk menjadikan perkhidmatan awam yang terbilang.

Sekian, untuk makluman Y.Bhg. Prof./Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan.

**'PERKHIDMATAN BERKUALITI AMALAN MURNI'**

Yang benar,

**DATUK TAIP BIN ABU**

Pendaftar